

PERMOHONAN / APPLICATION

1. CARA MEMOHON

- a) Tarikh tutup permohonan ialah **dua (2) bulan** sebelum tarikh peperiksaan. Permohonan hendaklah sampai kepada urus setia sebelum atau pada tarikh tutup permohonan yang dinyatakan. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup atau tidak lengkap akan ditolak.
- b) **Calon yang menunggu keputusan peperiksaan dinasihatkan untuk memohon menduduki peperiksaan sesi seterusnya walaupun keputusan belum diumumkan.**
- c) Permohonan adalah secara manual dengan mengisi borang yang terdapat dalam laman web www.jp-ph.gov.my . Setiap calon wajib mengemukakan alamat e-mel yang aktif serta nombor telefon terkini.
- d) Sebarang masalah atau pertanyaan lanjut sila hubungi :
Cawangan Modal Insan dan Kompetensi
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Ibu Pejabat
Aras 8, Perbendaharaan 2
No 7, Persiaran Perdana, Presint 2
62592 PUTRAJAYA.
Telefon : 03-88869000/ samb 9359/9357
Atau Faks : 03-88869001
- e) **Calon-calon yang tidak memohon tidak dibenarkan untuk menduduki peperiksaan.**

2. SUKATAN

Sukatan peperiksaan boleh diperoleh daripada laman web www.jp-ph.gov.my

3. ANGKA GILIRAN

Calon boleh menyemak angka giliran, jadual peperiksaan dan pusat peperiksaan melalui laman web www.jp-ph.gov.my **dua (2) minggu sebelum tarikh peperiksaan**. Calon hendaklah **mencetak dan membawa slip peperiksaan calon tersebut** bersama-sama dengan **kad pengenalan** ketika menghadiri peperiksaan.

4. BAGI CALON DARIPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN BADAN BERKANUN

- a) Kadar bayaran peperiksaan yang dikenakan ialah **RM25.00** bagi setiap calon. Pembayaran hendaklah dibuat dengan menggunakan **Wang Pos**.
- b) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikemukakan bersama Wang Pos atas nama **KETUA PENGARAH PENILAIAN DAN PERKHIDMATAN HARTA** sebelum tarikh tutup permohonan. Maklumat di belakang Wang Pos perlu ditulis atas nama calon atau nama pejabat Majlis masing – masing.

- c) Permohonan yang dikemukakan tidak lengkap dan tanpa bayaran peperiksaan tidak akan diproses.
- d) Bayaran tidak akan dikembalikan kepada calon yang gagal menghadiri/ menduduki peperiksaan.

5. PERALATAN YANG PERLU DIBAWA

Calon dikehendaki membawa peralatan/ bahan yang bersesuaian dengan kertas peperiksaan yang diambil. **(Kalkulator, Jangka Sudut dan Bahan Rujukan yang dibenarkan).**

PERMOHONAN SECARA MANUAL

- 1) BORANG JPPH/E1 (PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29)
- 2) BORANG JPPH/E2 (PEMBANTU PENILAIAN GRED W19 PSL)
- 3) BORANG JPPH/E3 (PEMBANTU PENILAIAN GRED W19)